



PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti kementerian/jabatan/agensi serta pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan. Laporan mengenai pengauditan yang dijalankan hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya Laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara (JAN) telah menjalankan empat jenis pengauditan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;

1.2. Pengauditan Pematuhan - untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di kementerian/jabatan/agensi telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;

1.3. Pengauditan Prestasi - untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti kementerian/jabatan/agensi dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan; dan

1.4. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan - untuk menilai sama ada pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan dengan teratur.

2. Pengauditan Prestasi dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 serta berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *The International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI). Laporan pada kali ini mengandungi perkara yang telah dibangkitkan hasil daripada pengauditan terhadap 10 program/projek/aktiviti di tujuh kementerian. Pengauditan yang dijalankan antara lain meliputi aspek pengurusan program/aktiviti, pengurusan sistem/ICT dan pengurusan projek.

3. Secara umumnya, program/projek/aktiviti Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan mengikut tujuan yang ditetapkan. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan seperti sasaran output dan pencapaian keberhasilan (outcome) yang ditetapkan tidak dapat dicapai atau tidak boleh dinilai kerana sasaran kuantitatif, mekanisme dan indikator tidak ditetapkan, serta data berkaitan tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2020 Siri 1, didapati kes pembayaran tidak teratur, kehilangan/kerugian wang awam, kelemahan pentadbiran kontrak, kerja/bekalan/perkhidmatan tidak mengikut spesifikasi/tidak berkualiti, pembaziran serta ketidakcekapan dalam pengurusan aset dan pungutan hasil Kerajaan.

4. Kelemahan tersebut antara lain disebabkan oleh kecuai dalam mematuhi peraturan/prosedur yang ditetapkan oleh Kerajaan serta kurang teliti semasa merancang program/projek/aktiviti dan menetapkan skop serta spesifikasi kontrak. Selain itu, ia juga disebabkan pemantauan yang tidak dijalankan dengan konsisten dan teliti terhadap kerja kontraktor, kurang kemahiran dalam pengurusan projek dan kurang memberi perhatian terhadap keberhasilan/impak sesuatu program/projek/aktiviti. Perkara ini juga menyumbang kepada kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan dalam LKAN Tahun 2020 Siri 1.

5. Seperti tahun yang lalu, Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Ketua Pengarah Badan Berkanun Persekutuan selaku ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan dalam laporan ini untuk tujuan pengesahan. Pemerhatian Audit telah dikemukakan kepada ketua jabatan terlibat dan mereka juga telah dimaklumkan mengenai isu yang dibangkitkan semasa Mesyuarat Penutup (Exit Conference) diadakan. Penemuan Audit yang penting sahaja telah dilaporkan dalam laporan ini untuk memaklumkan kepada *stakeholders* mengenai kelemahan yang dikesan. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 33 syor untuk diambil tindakan oleh kementerian/jabatan/agensi berkenaan.

6. Untuk LKAN Tahun 2020 Siri 1, Jabatan Audit Negara meneruskan LKAN dalam format cetakan buku serta format digital, iaitu format *Card Drive* dan juga *QR Code* untuk tujuan pembentangan di hadapan Dewan Rakyat serta edaran kepada kementerian/jabatan/agensi dan *stakeholders*.

7. Saya juga bersyukur kerana dalam tempoh pandemik Covid-19, Jabatan Audit Negara masih meneruskan pelaksanaan pengauditan walaupun terpaksa mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Kementerian Kesihatan dan Majlis Keselamatan Negara. Penggunaan teknologi ICT dalam pendekatan dan pengurusan Audit telah dioptimumkan terutama Mesyuarat Penutup (Exit Conference) diadakan secara maya.

8. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan memantapkan usaha penambahbaikan dalam pelaksanaan aktiviti Kerajaan. Selain meningkatkan akauntabiliti dan integriti penjawat awam, laporan ini juga diharap dapat membantu menimbulkan kesedaran melalui *lessons learnt* bagi

membolehkan Kerajaan mendapat *value for money* untuk setiap perbelanjaan yang dibuat.

9. Status isu dan tindakan terkini Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2020 Siri 1, boleh diakses oleh auditi dan orang awam melalui *Auditor General's Dashboard* di Portal Jabatan Audit Negara. Mekanisme ini telah berjaya membantu kementerian/jabatan/agensi Kerajaan untuk menyalurkan maklum balas dengan cepat, pantas serta meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti. Hal ini membuktikan komitmen dan keprihatinan Kerajaan dalam menjelaskan kedudukan terkini isu yang dibangkitkan dalam LKAN serta menyalurkan status tindakan yang telah diambil.

10. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai kementerian/jabatan/agensi Kerajaan yang telah memberi kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan Audit Negara yang telah berusaha gigih serta memberi sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(DATUK SERI NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)

**Ketua Audit Negara
Malaysia**

Putrajaya

4 Mac 2022

